



MAJLIS PERSADA INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM (MPIPA) PERINGKAT
NEGERI SELANGOR TAHUN 2022



KUMPULAN CYBERWAVE

TAJUK PROJEK
**PEMERKASAAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN MPAJ**

BIDANG INOVASI :
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

KATEGORI INOVASI :
PENAMBAHBAIKAN

JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor, 55100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

KANDUNGAN.	i
BORANG PENYERTAAN.	ii
RINGKASAN EKSEKUTIF.	iv
BAB 1 : PENGENALAN / LATAR BELAKANG.	
1.1 Organisasi.	1
1.2 Jabatan.	1
1.3 Kumpulan.	1
1.4 Penyataan masalah.	1
BAB 2 : SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK.	
2.1 Kaitan dengan fungsi utama jabatan / organisasi.	2
2.2 Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (' <i>stakeholder</i> ').	3
2.3 Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	3
2.4 Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa.	3
2.5 Kaedah pemilihan projek dan analisis.	4
2.6 Penyataan sasaran ' <i>outcome</i> ' dan impak.	4
BAB 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN.	
3.1 Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan ' <i>tools</i> '.	6
3.2 Penghasilan dan pengujian prototaip.	7
3.3 Perakuan daripada pihak bertauliah / pihak berkuasa.	9
3.4 Pelaksanaan inovasi.	9
BAB 4 : KEBERHASILAN PROJEK.	
4.1 ' <i>Outcome</i> ' projek dan pembuktian.	
4.1.1 Pencapaian ' <i>outcome</i> ' dan pembuktian.	10
4.1.2 Faedah sampingan (luar jangka).	11
4.2 Impak projek dan pembuktian.	
4.2.1 Penilaian impak dan pembuktian.	12
4.2.2 Faedah sampingan (luar jangka).	14
BAB 5 : POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI.	
5.1 Tahap ketersediaan teknologi / sistem / proses.	15
5.2 Tahap replikasi atau pengkomersialan.	15
BAB 6 : PENUTUP.	15
LAMPIRAN	



BAHAGIAN 1 :

BORANG PENYERTAAN

No. :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022.**

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	CYBERWAVE
Nama Organisasi	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ).
Alamat	JABATAN PERANCANGAN KORPORAT, ARAS 7 & 15, MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH, SELANGOR. 55100 KUALA LUMPUR.
No Telefon & Faks	03 – 4285 7477 (talian utama) / 03 – 4285 7195 (talian faks)
E-mel	korporat@mpaj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	21 SEPTEMBER 2020
Bilangan ahli	ENAM (6) ORANG.
Nama ketua kumpulan	MOHD ARIFF BIN JAAFAR No. Telefon Bimbit : 012-3712981
Nama ahli	1. SITI NORSHUHADA BINTI MAKHTAR 2. MUHAMMAD IZZUDDIN BIN RAZMI 3. SITI MUNIRA BINTI ZAINAL ABIDIN 4. MUHAMMAD ADIB HAYQAL BIN AZHARUDIN 5. NORHASLILI SHAFIKAH BINTI HASBULLAH
Nama fasilitator (sekiranya ada)	ROSLIZA BINTI MOHD No. Telefon Bimbit : 019-2601324
Nama projek	SISTEM KOMUNITI PINTAR (iComm) MOBIL
Bidang inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	PENAMBAHBAIKAN
Tarikh mula projek	06 OKTOBER 2020
Tarikh siap projek	01 JUN 2021 (Tarikh Uji Cuba 2)

PENGESEHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :

- i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada 10 Mac 2022.
- ii) Projek ini telah dipertandingkan di peringkat jabatan pada 10 - 11 Februari 2022.

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi
Cop Jabatan / Agensi


 Tarikh : 21.3.22.

MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM, SMS
 YANG DIPERTUA
 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



PENGESEHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

Nama :
No. Kad Pengenalan:
Jawatan/Gred:
Jabatan/Agensi:
No.Siri:
Tarikh:




BAHAGIAN 2 : RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK			
Tajuk :	PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MPAJ.		
Bidang Inovasi :	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.	Kategori Inovasi :	PENAMBAHBAIKAN.
KIK	PRIMER.		
RINGKASAN PROJEK			
<u>Permasalahan.</u>			
Penyampaian perkhidmatan MPAJ melalui komunikasi maya telah menjadi fokus utama selari dengan Kerangka Bandar Pintar Ampang Jaya 2025. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia bermula tahun 2020 turut menyumbang kepada keperluan untuk berkomunikasi melalui telefon pintar. Proses semakan dan pembayaran cukai taksiran, kompaun, sewaan premis dan tempahan fasiliti MPAJ secara manual memberi kesukaran kepada pemegang harta, penduduk dan pelanggan yang tinggal dalam kawasan seluas 143.5 km² ini kerana MPAJ hanya mempunyai dua (2) kaunter bayaran utama iaitu Menara MPAJ di Pandan Indah dan kaunter cawangan di Taman Melawati. Walaupun MPAJ telah menyediakan kemudahan aplikasi Komuniti Pintar berasaskan web namun ianya sukar digunakan melalui telefon pintar dan memerlukan pengguna untuk melayari menggunakan komputer. Ini telah memberi kesan kepada pengurusan aduan MPAJ apabila sebanyak 695 aduan berkaitan penyampaian perkhidmatan MPAJ telah diterima pada tahun 2020. Aduan penyampaian perkhidmatan ini boleh dipecahkan kepada 4 kategori iaitu kegagalan mematuhi prosedur yang ditetapkan; kelemahan kaedah pembayaran; masalah semakan dan pengemaskinian data; serta kakitangan tidak cekap.			
<u>Penyelesaian masalah.</u>			
Berdasarkan masalah penyampaian perkhidmatan dan pembayaran tidak efisien yang dihadapi oleh penduduk dan pelanggan, ahli kumpulan telah menggunakan rajah Ishikawa, kaedah matrik berkriteria dan kaedah analisis data matrik untuk memilih cadangan penyelesaian paling praktikal. Kumpulan telah bersetuju untuk membangunkan aplikasi mobil yang bersifat mudah alih sebagai jalan penyelesaian. Selepas melalui fasa uji cuba 1 dan uji cuba 2 maka terciptalah produk inovasi yang dinamakan ‘Sistem Komuniti Pintar MPAJ’ berasaskan mobil atau lebih dikenali sebagai ‘iComm mobil’. Sistem menggunakan konsep ‘<i>single sign on</i>’ menerusi nombor kad pengenalan atau nombor passport. Modul-modul yang dibangunkan dalam aplikasi mobil ini adalah (1) semakan dan pembayaran cukai taksiran; (2) semakan dan pembayaran kompaun; (3) semakan dan pembayaran pelbagai; (4) semakan dan pembayaran sewaan premis dan gerai; (5) transaksi; (6) tempahan fasiliti; (7) aduan; (8) tempat menarik; (9) perniagaan digital; dan (10) meja bantuan. Aplikasi mobil ini membenarkan semakan dan pengemaskinian data secara ‘<i>real time</i>’ serta membolehkan pembayaran dibuat melalui gerbang pembayaran digital MPAJ. Aplikasi mobil yang dibangunkan boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar berasaskan Android melalui ‘Play Store’ dan melalui ‘App Store’ bagi pengguna telefon bimbit berasaskan Apple iOS.			

MAKLUMAT PROJEK			
Tajuk :	PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MPAJ.		
Bidang Inovasi :	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.	Kategori Inovasi :	PENAMBAHBAIKAN.
KIK	PRIMER.		
RINGKASAN PROJEK			
<u>Pencapaian ‘outcome’.</u> Uji cuba 1 dan uji cuba 2 berjaya mencapai sasaran projek dengan pengurangan aduan penyampaian perkhidmatan melebihi 10% sebulan; peningkatan tahap kepuasan pelanggan melebihi 5% sebulan; dan peningkatan hasil (RM) melebihi 5% sebulan. Faedah sampingan luar jangka bagi ‘outcome’ adalah peningkatan kadar pengemaskinian nombor kad pengenalan daripada 60% kepada 75% pemegang harta kawasan MPAJ; peningkatan kadar pengemaskinian data nombor telefon dan akaun e-mel daripada 45% kepada 65%; serta penurunan kadar penyewa gerai dan pasar milik MPAJ yang culas membayar sewa daripada 98 orang kepada 11 orang sahaja. <u>Impak projek.</u> Impak positif daripada projek ini adalah penjimatan kos pencetakan, persampulan dan pemprosesan bil dan notis cukai taksiran sebanyak RM 575,798.04. Turut berlaku penjimatan kos sumber manusia iaitu petugas kaunter sebanyak RM 32,448.00; penjimatan pembukaan kaunter luar sebanyak RM 50,798.80; dan penjimatan kos penjimatan kertas sebanyak RM 1,574.82. Jumlah penjimatan kos keseluruhan projek adalah RM 660,619.66. Penjimatan sumber manusia adalah sebanyak 50% manakala penjimatan masa menerima perkhidmatan berjaya dijimatkan sebanyak 83.33%. Projek turut memberi kesan kepada pengurangan kes Covid-19 melibatkan kakitangan MPAJ sebanyak 29.79% dan peningkatan aktiviti pelancongan di sekitar MPAJ sebanyak 41.27%. <u>Potensi pengembangan projek.</u> Projek ini mempunyai potensi untuk dikembangkan ke semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia secara replikasi. Beberapa sesi taklimat dan perbincangan telah diadakan bersama penggerak digital MPAJ yang terdiri daripada 24 wakil jawatankuasa penduduk (JKP) bagi memastikan hebahan dan sesi ‘hand-holding’ bersama penduduk dan pelanggan berjalan dengan lancar. Semua kakitangan MPAJ juga telah diberi latihan agar berkemahiran untuk menjadi duta digital MPAJ di kawasan perumahan masing-masing.			



BAHAGIAN 3 :

PERINCIAN PROJEK

BAB 1 : PENGENALAN / LATAR BELAKANG.

1.1. ORGANISASI.



Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1992 dengan keluasan 143.5 km². MPAJ terletak dalam dua (2) daerah iaitu daerah Hulu Langat dan daerah Gombak. Terdapat tiga (3) kawasan parlimen dan lima (5) dewan undangan negeri di MPAJ. Jumlah penduduk di seluruh kawasan pentadbiran MPAJ adalah seramai 612,126 orang. Diketuai oleh seorang Yang Dipertua, MPAJ mempunyai 951 orang kakitangan.

1.2. JABATAN.

Jabatan Perancangan Korporat adalah salah satu jabatan utama di MPAJ yang bertanggungjawab menjaga imej korporat MPAJ, memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik dan menyediakan perkhidmatan digital. Peranan utama Jabatan Perancangan Korporat adalah memastikan perkhidmatan MPAJ disampaikan kepada penduduk dan pelanggan seiring visi dan misi MPAJ.

1.3. KUMPULAN.



Kumpulan primer ini terdiri daripada enam (6) 6 orang ahli yang mempunyai latar belakang teknologi maklumat dan pengurusan korporat. Kumpulan Cyberwave ditubuhkan pada 21 September 2020 ⁽¹⁾. Kumpulan bermesyuarat sebanyak 13 kali ⁽²⁾ bagi membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek berdasarkan carta perbatuan ⁽³⁾ yang disediakan.

1.4. PENYATAAN MASALAH.

Penyampaian perkhidmatan MPAJ melalui komunikasi maya telah menjadi fokus utama selari dengan Kerangka Bandar Pintar Ampang Jaya 2025. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia bermula tahun 2020 turut menyumbang kepada keperluan untuk berkomunikasi melalui telefon pintar. Proses semakan dan pembayaran cukai taksiran, kompaun, sewaan premis dan tempahan fasiliti MPAJ secara manual memberi kesukaran kepada pemegang harta, penduduk dan pelanggan yang tinggal dalam kawasan seluas 143.5 km² ini kerana MPAJ hanya mempunyai dua (2) kaunter bayaran utama iaitu Menara MPAJ di Pandan Indah dan kaunter cawangan di Taman Melawati. Walaupun MPAJ telah menyediakan kemudahan aplikasi Komuniti Pintar berasaskan web namun ianya sukar digunakan melalui telefon pintar dan memerlukan pengguna untuk melayari menggunakan komputer. Ini telah memberi kesan kepada pengurusan aduan MPAJ apabila sebanyak **695 aduan berkaitan penyampaian perkhidmatan MPAJ telah diterima pada tahun 2020**. Aduan penyampaian perkhidmatan ini boleh dipecahkan kepada 4 kategori iaitu kegagalan

Lampiran :

⁽¹⁾ Surat lantikan kumpulan Cyberwave dan senarai ahli kumpulan.


⁽²⁾ Jadual perjumpaan dan mesyuarat.

⁽³⁾ Carta perbatuan dan pembahagian tugas.

mematuhi prosedur yang ditetapkan; kelemahan kaedah pembayaran; masalah semakan dan pengemaskinian data; serta kakitangan tidak cekap. Aduan ini diterima melalui pelbagai saluran yang disediakan seperti portal aduan, e-mel, telefon, aplikasi 'Whatsapp' atau hadir secara fizikal ke kaunter Unit Aduan MPAJ.

KATEGORI ADUAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	BILANGAN ADUAN
KEGAGALAN MEMATUHI PROSEDUR	167
KELEMAHAN KAEDAH PEMBAYARAN	218
MASALAH SEMAKAN DAN PENGEMASKINIAN DATA	254
KAKITANGAN TIDAK CEKAP	56
JUMLAH	695

STATISTIK SALURAN PENERIMAAN ADUAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



BAB 2 : SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK.

2.1. KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai 612,126 orang penduduk dan 178,114 pemegang harta bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada penduduk dan pelanggan. Misi MPAJ iaitu 'Memperkasakan perkhidmatan perbandaran yang **mesra digital** bagi memastikan warga Ampang Jaya menikmati peningkatan kualiti hidup yang inklusif, makmur dan harmoni' menunjukkan kaitan dengan projek. Projek turut menyokong visi MPAJ iaitu 'Menjadikan perbandaran Ampang Jaya ke arah **bandar digital** dan berdaya huni menjelang tahun 2025'.

Jabatan Perancangan Korporat adalah jabatan utama yang membentuk dan menjaga imej korporat MPAJ di mata masyarakat. Fungsi pengurusan pelanggan di Jabatan Perancangan Korporat berperanan memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan pelanggan. Fungsi teknologi maklumat dan komunikasi pula berhubung terus dengan penyediaan perkhidmatan digital. Oleh yang demikian, masalah aduan penyampaian perkhidmatan ini memberi impak kepada imej korporat MPAJ. Sebagai jabatan yang mengurus kajian kepuasan pelanggan luaran dan mengurus aduan orang awam, pastinya aduan sebegini memberi impak yang buruk kepada imej MPAJ.

CARTA FUNGSI JABATAN PERANCANGAN KORPORAT



Sumber :
Pelan Strategik MPAJ 2021-2025.

Sumber :
MyPortfolio Jabatan
Perancangan Korporat MPAJ.



2.2. MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH ('STAKEHOLDER').

Memainkan peranan sebagai jabatan yang menguruskan imej korporat MPAJ dan menyediakan perkhidmatan digital, kutipan data sebelum pelaksanaan projek melalui kaedah soal selidik ⁽⁴⁾ manual (borang) dan menggunakan aplikasi Google .doc telah dilaksanakan pada 22 hingga 28 September 2020 melibatkan 150 penduduk yang tinggal di kawasan MPAJ. 72 orang responden (48%) memaklumkan bahawa MPAJ lambat dalam menjawab aduan dalam tempoh pandemik Covid-19. 87 orang responden (58%) memaklumkan bahawa MPAJ tiada medium dalam talian yang mudah manakala 42 orang (28%) memaklumkan bahawa prosedur MPAJ mengelirukan. Berdasarkan analisis soal selidik tersebut didapati bahawa **MPAJ menghadapi masalah penyampaian perkhidmatan terutama penyediaan platform dalam talian.**

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL.

Projek ini adalah sejajar dengan 'Smart Selangor Action Plan to 2025' ⁽⁵⁾ yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Merujuk kepada para 7.3 iaitu 'Initiatives for Smart Digital Infrastructure and Success Indicators', lajur 'Smart Digital Infrastructure Components' jelas menyatakan keperluan pembangunan aplikasi mobil bagi penyampaian perkhidmatan iaitu 'Mobile / Non-Mobile Applications: Apps on mobile devices that connects governments to users either for information share or service provision'.

Projek ini turut selari dengan 'Smart City Handbook Malaysia' ⁽⁶⁾ yang dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Salah satu daripada tujuh (7) teras strategik utama adalah Kerajaan Pintar atau 'Smart Government' yang menekankan agar teknologi boleh memberi manfaat yang ketara dengan memastikan penyediaan e-perkhidmatan kerajaan dan perkongsian maklumat antara orang awam dan kerajaan dalam kualiti yang tinggi dan boleh diakses pada bila-bila masa.

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA.

Apabila virus Covid-19 melanda dunia sehingga mendesak kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 di seluruh negara, keperluan penggunaan teknologi mobil telah meningkat dengan drastik. Penduduk Malaysia perlu berada di kediaman masing-masing yang mendesak semua pihak untuk hanya berkomunikasi secara maya melalui telefon pintar masing-masing. Beberapa siri penutupan 100% operasi pejabat kerajaan dan pengoperasian pada kapasiti rendah telah menimbulkan aduan daripada orang awam berikutan kesukaran untuk berkomunikasi dengan pihak MPAJ. 102 (46.79%) daripada 218 aduan kategori 'kelemahan kaedah pembayaran' dan 119 (46.85%) daripada 254 aduan kategori 'masalah semakan dan pengemaskinian data' adalah merujuk kepada masalah yang timbul kesan penutupan kaunter perkhidmatan MPAJ. Selain peningkatan aduan penyampaian perkhidmatan, kajian kepuasan pelanggan MPAJ bagi tahun 2020 turut menunjukkan penurunan yang memberi kesan langsung kepada imej penyampaian

Lampiran :

⁽⁴⁾ Analisis soal selidik kehendak pelanggan dan pemegang taruh.

⁽⁵⁾ Smart Selangor Action Plan to 2025.

⁽⁶⁾ Smart City Handbook Malaysia.

perkhidmatan MPAJ. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Cukai Taksiran turut mengesakan penurunan peratus kutipan hasil cukai dan bukan cukai.

Keratan akhbar dan pekeliling perkhidmatan kerajaan ⁽⁷⁾ membuktikan bahawa projek ini berkait rapat dengan keadaan dan ekosistem era pandemik Covid-19.



2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS.

2.5.1 Kaedah dan analisis.

Merujuk kepada minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Cukai Taksiran MPAJ Bilangan 8 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua, terdapat 2 masalah berkaitan penyampaian perkhidmatan yang dibangkitkan iaitu 'masalah penyampaian perkhidmatan dan pembayaran tidak efisien' serta 'masalah laman sesawang MPAJ kurang mesra pengguna'. Perbincangan dua (2) masalah ini membawa kepada arahan pelaksanaan projek daripada pihak pengurusan tertinggi MPAJ. **Kaedah undian** ahli kumpulan ⁽⁸⁾ digunakan sebagai kaedah pemilihan projek. 5 daripada 6 ahli memilih masalah 'penyampaian perkhidmatan dan pembayaran tidak efisien' manakala 1 daripada 6 ahli memilih masalah 'laman sesawang MPAJ kurang mesra pengguna'. Berdasarkan undian yang dijalankan, masalah yang perlu diselesaikan adalah '**penyampaian perkhidmatan dan pembayaran tidak efisien**'.



Pembentangan cadangan projek kepada Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ merangkap fasilitator kumpulan telah diadakan pada 28 September 2020. Terdapat 3 kesan negatif jika projek tidak dipilih iaitu peningkatan aduan awam berkaitan penyampaian perkhidmatan; penurunan tahap kepuasan pelanggan; dan penurunan kutipan hasil. Surat kelulusan projek telah diperolehi pada 29 September 2020 ⁽⁹⁾.

2.6 PENYATAAN SASARAN 'OUTCOME' DAN IMPAK.

2.6.1 Sasaran 'outcome'.

Berdasarkan data yang dikumpulkan, langkah strategik dirancang untuk mengatasi masalah yang dihadapi melalui penetapan sasaran '*outcome*'. Ahli kumpulan menggunakan kaedah **analisis SMART** untuk memperincikan sasaran '*outcome*'.

Lampiran :

⁽⁷⁾ Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pekeliling perkhidmatan kerajaan.

⁽⁸⁾ Minit Mesyuarat JK Kewangan & Cukai Taksiran MPAJ Bil 8/2020 dan kaedah pemilihan projek melalui undian ahli kumpulan.

⁽⁹⁾ Surat kelulusan projek.

SASARAN PROJEK					
	SPECIFIC	MEASURABLE	ACHIEVABLE	RELEVANT	TIMELY
PENGURANGAN ADUAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEBANYAK 10% SEBULAN.	☒	☒	☒	☒	☒
PENINGKATAN TAHAP KEPUASAN PELANGGAN SEBANYAK 5% SEBULAN.	☒	☒	☒	☒	☐
PENINGKATAN HASIL SEBANYAK 5% SEBULAN.	☒	☒	☒	☒	☒

Sasaran pertama adalah pengurangan aduan penyampaian perkhidmatan sebanyak 10% sebulan yang memenuhi kelima-lima elemen SMART iaitu '*specific*', '*measurable*', '*achievable*', '*relevant*' dan '*timely*'. Laporan aduan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan MPAJ yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua pada setiap bulan. Sasaran 10% ditetapkan berdasarkan statistik aduan penyampaian perkhidmatan yang secara puratanya diterima sebanyak 68 sebulan sebelum projek dijalankan.

Sasaran kedua adalah peningkatan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 5% sebulan yang memenuhi empat elemen SMART kecuali '*timely*'. Kajian kepuasan pelanggan lazimnya diambil dalam julat masa enam (6) bulan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelanggan yang bersidang dua (2) kali dalam setahun. Bagi membolehkan sasaran projek dapat diukur secara bulanan, kaedah cerapan data dan pelaporan akan diubah kepada setiap bulan dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan yang bersidang setiap bulan. Kumpulan perlu memastikan peningkatan pada kadar 5% setiap bulan agar tahap kepuasan pelanggan MPAJ melebihi 95% selepas projek dilaksanakan iaitu pada tahap '*cemerlang*'.

Sasaran ketiga adalah peningkatan hasil sebanyak 5% sebulan. Berdasarkan rekod pelaporan hasil MPAJ yang dibentangkan secara berkala setiap bulan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Cukai Taksiran, sasaran ini memenuhi kelima-lima elemen SMART. Sasaran peningkatan 5% ditetapkan berdasarkan analisis kutipan hasil MPAJ yang menurun semasa tempoh pandemik Covid-19 pada kadar 4% setiap bulan (sebelum projek).

2.6.2 Sasaran impak.

Sasaran impak yang pertama adalah penjimatan kos yang merangkumi penjimatan kos pencetakan, persampulan dan pemprosesan bil dan notis cukai taksiran; penjimatan kos sumber manusia; penjimatan kos pembukaan kaunter luar; dan penjimatan kos kertas. MPAJ telah mempunyai perancangan untuk menghentikan pengeposan bil dan notis cukai taksiran kepada pemegang harta sebagai salah satu inisiatif bagi merealisasikan Kerangka Bandar Pintar Ampang Jaya.

Sasaran impak kedua adalah penjimatan sumber manusia iaitu mengurangkan bilangan petugas kaunter perkhidmatan MPAJ. Apabila penduduk dan pelanggan tidak lagi perlu hadir secara fizikal ke Menara MPAJ dan pejabat cawangan maka akan berlaku penjimatan sumber manusia.

Sasaran impak ketiga adalah penjimatan masa pelanggan menerima perkhidmatan daripada MPAJ.


BAB 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN.

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN 'TOOLS'.

Berdasarkan masalah sedia ada yang dihadapi oleh penduduk dan pelanggan, ahli kumpulan telah menggunakan rajah Ishikawa dan kaedah matrik berkriteria untuk memilih cadangan penyelesaian.



GRAF MATRIK BERKRITERIA



KAEDAH ANALISIS DATA MATRIK

Setiap ahli CYBERWAVE memilih tahap impak dan pelaksanaan pada setiap cadangan penyelesaian.



SENARAI CADANGAN PENYELESAIAN

A	PENAMBAHAN KAKITANGAN
B	TAMBAH BAK SISTEM SEDIA ADA
C	PROMOSI SISTEM SEDIA ADA KEPADA PENDUDUK
D	MEMBANGUNKAN APLIKASI MOBI YANG BERSIFAT MUDAH ALIH
E	MENGUPAH PIHAK YANG MAHIR
F	MELAKUKI PIHAK KETIGA UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN DAN MENGUTUP BAYARAN
G	MELAKUKAN KAEDAH PEMANTAUAN KERJA SECARA KAWALANKI OLEH PENYELAJ
H	MENGUNAKAN KONSEP 'MAN HOUR'

Kaedah analisis data matrik kemudiannya digunakan untuk memilih cadangan paling praktikal. Setelah analisis dilaksanakan, kumpulan telah bersetuju untuk memilih 'membangunkan aplikasi mobil yang bersifat mudah alih' sebagai jalan penyelesaian.

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP.

Pada 6 hingga 23 Oktober 2020, kumpulan telah melaksanakan fasa analisis keperluan sistem dengan mengadakan bengkel serta perbincangan secara dalam talian bersama wakil setiap jabatan dalaman MPAJ yang terlibat sebagai pengguna. Beberapa siri bengkel dan perbincangan diadakan bagi memastikan aplikasi mobil yang akan dibangunkan menepati keperluan pengguna. Selepas kumpulan selesai membangunkan dokumentasi keperluan sistem, kumpulan mula melihat dan mengkaji bahasa pengaturcaraan yang sesuai digunakan untuk membangunkan aplikasi mobil dengan menggunakan kepakaran dalaman Pegawai Teknologi Maklumat F44 dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA29 di Jabatan Perancangan Korporat MPAJ. Fasa pembangunan sistem telah dimulakan pada 2 November 2020.

Sistem menggunakan konsep '*single sign on*' menerusi nombor kad pengenalan bagi warganegara Malaysia dan nombor pasport bagi bukan warganegara. Ini memudahkan integrasi data pelanggan. Modul-modul yang dibangunkan dalam aplikasi mobil ini adalah (1) semakan dan pembayaran cukai taksiran; (2) semakan dan pembayaran kompaun; (3) semakan dan pembayaran pelbagai; (4) semakan dan pembayaran sewaan premis dan gerai; (5) transaksi; (6) tempahan fasiliti; (7) aduan; (8) tempat menarik; (9) perniagaan digital; dan (10) meja bantuan. Aplikasi mobil ini membenarkan semakan dan pengemaskinian data secara '*real time*' serta membolehkan pembayaran dibuat melalui gerbang pembayaran digital MPAJ. Semua jejak pembayaran yang dilakukan oleh pelanggan boleh dilihat pada modul transaksi. Aplikasi mobil yang dibangunkan boleh dimuatturun ke dalam telefon pintar berasaskan Android melalui '*Play Store*' dan melalui '*App Store*' bagi pengguna telefon bimbit berasaskan Apple iOs. Aplikasi mobil bagi uji cuba pertama siap dibangunkan secara dalaman oleh Jabatan Perancangan Korporat pada 24 Mac 2021.



BENGKEL ANALISIS KEPERLUAN SISTEM
MELIBATKAN PENGURUSAN TERTINGGI MPAJ
SECARA DALAM TALIAN.



PERBINCANGAN TEKNIKAL SEMASA
PEMBANGUNAN SISTEM.



PROSES PEMBANGUNAN SISTEM
SECARA FIZIKAL DI PEJABAT.

Pada 26 Mac 2021, taklimat kepada pihak pengurusan tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua telah diadakan iaitu sebelum uji cuba 1 dimulakan. Semua pengurusan tertinggi MPAJ berpuas hati dengan aplikasi mobil yang dibangunkan. Merujuk kepada analisis pelaksanaan uji cuba 1 yang memerlukan maklum balas daripada penduduk dan pelanggan MPAJ, Yang Dipertua telah bersetuju untuk membenarkan aplikasi mobil ini mula digunakan oleh pelanggan luaran MPAJ.

Kelulusan uji cuba 1 telah diperolehi pada 29 Mac 2021 ⁽¹⁰⁾. Tempoh **uji cuba 1** adalah **1 April 2021 sehingga 30 April 2021**. Uji cuba 1 berjaya mencapai ketiga-tiga sasaran yang ditetapkan ⁽¹¹⁾.

Lampiran :

⁽¹⁰⁾ Surat kelulusan uji cuba 1.

⁽¹¹⁾ Laporan uji cuba 1.



Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan daripada pengguna yang diutarakan dalam borang tahap kepuasan pelanggan. Antara cadangan yang sesuai dilaksanakan adalah penyediaan butang 'log' keluar untuk tujuan 'refresh'; dan mekanisme bagi pengguna yang lupa kata laluan. Selain itu, pemerhatian ahli kumpulan mendapati aplikasi mobil bagi uji cuba 1 kurang mesra pengguna kerana 'message box' kerap dipaparkan selepas setiap transaksi. Perbincangan antara ahli kumpulan memutuskan untuk menambahbaik sistem dalam tempoh sebulan.

Penambahbaikan yang dibuat oleh ahli kumpulan adalah (1) menyediakan butang log keluar; (2) menggunakan teknologi OTP ('one-time password') menggantikan penggunaan kata laluan yang perlu dihafal oleh pengguna; dan (3) mengurangkan paparan 'message box' pada aplikasi. Kod OTP ('one time password') adalah kata laluan yang hanya aktif atau sah untuk satu sesi 'log' masuk atau transaksi atau masa pada sistem komputer atau peranti digital lain. Ianya mempunyai ciri tahap keselamatan yang tinggi.

Setelah aplikasi mobil ditambahbaik, permohonan telah dibuat bagi pelaksanaan uji cuba 2. Surat kelulusan uji cuba 2 diterima pada 27 Mei 2021 ⁽¹²⁾. Sistem telah dibenarkan capaian ('live') untuk kegunaan pengguna bermula 1 Jun 2021. Tempoh **uji cuba 2** adalah **1 Jun 2021 sehingga 30 Jun 2021**. Uji cuba 2 berjaya mencapai ketiga-tiga sasaran yang ditetapkan ⁽¹³⁾.



Selepas uji cuba 2 berjaya, satu sesi persembahan versi terkini aplikasi mobil kepada pihak pengurusan tertinggi MPAJ iaitu Yang Dipertua telah diadakan pada 19 Julai 2021. Yang Dipertua amat berpuas hati dengan produk inovasi yang dihasilkan. Produk inovasi kumpulan kami telah diberi nama aplikasi '**Komuniti Pintar berasaskan mobil**' atau lebih dikenali

Lampiran :

⁽¹²⁾ Surat kelulusan uji cuba 2.

⁽¹³⁾ Laporan uji cuba 2.

sebagai '**iComm mobil**' ⁽¹⁴⁾. Kajian pasaran melalui panggilan telefon dan penghantaran e-mel kepada beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia telah membuktikan bahawa iComm mobil MPAJ adalah produk pertama seumpamanya di Malaysia.



3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA.

Keseluruhan proses kerja di MPAJ telah dipersijilkan mengikut piawaian MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 melalui pensijilan dengan pihak SIRIM termasuklah semua proses kerja dalam modul-modul **iComm mobil** ini.

Spesifikasi teknikal produk ini telah diperakukan oleh Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPAJ yang merupakan pemegang gelaran Teknologis Professional yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) iaitu Ir. Ts. Zafrul Fazry bin Mohd Fauzi ⁽¹⁵⁾. Bagi memperakukan bahawa produk ini efisien untuk digunakan oleh pengguna dan mempunyai tahap keselamatan data yang tinggi, sesi semakan dan pengujian telah dijalankan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 16 Februari 2022 secara dalam talian. E-mel pengesahan kecekapan sistem daripada MAMPU telah dikeluarkan pada 21 Februari 2022 ⁽¹⁶⁾.

3.4 PELAKSANAAN INOVASI.



Bagi tujuan pelaksanaan inovasi, manual prosedur kerja dalam MyPortfolio beberapa jabatan yang terlibat dengan projek ini telah dipinda selari proses kerja **iComm mobil**. Buku panduan dan video penggunaan **iComm mobil** telah dibangunkan sebagai rujukan pengguna ⁽¹⁷⁾. Aplikasi **iComm mobil** telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan nombor paten **UI2022001642** ⁽¹⁸⁾.

Taklimat penggunaan aplikasi **iComm mobil** kepada kakitangan MPAJ telah diadakan pada 12 hingga 23 Julai 2021 ⁽¹⁹⁾ bertempat di setiap jabatan secara bergilir bagi memastikan semua kakitangan mengetahui cara penggunaan **iComm mobil**. Arahan penyeragaman penggunaan **iComm mobil** oleh semua warga kerja

Lampiran :

⁽¹⁴⁾ Penerangan produk iComm mobil.

⁽¹⁵⁾ Diagram dan carta alir teknikal iComm mobil.

⁽¹⁶⁾ E-mel pengesahan kecekapan sistem daripada MAMPU.

⁽¹⁷⁾ Buku panduan dan video penggunaan iComm mobil.

⁽¹⁸⁾ Pendaftaran paten dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

⁽¹⁹⁾ Jadual taklimat penggunaan aplikasi iComm mobil kepada kakitangan MPAJ.

MPAJ telah dibincang dan diputuskan oleh pihak pengurusan atasan dalam Mesyuarat Pengurusan MPAJ Bilangan 7 Tahun 2021 pada 26 Julai 2021 ⁽²⁰⁾. **iComm mobil** telah dilancarkan oleh Yang Dipertua MPAJ pada 30 Julai 2021 ⁽²¹⁾ secara dalam talian semasa Mesyuarat Penuh MPAJ. Bagi memastikan penduduk mendapat bantuan yang diperlukan untuk menggunakan aplikasi, sesi taklimat dan perbincangan telah diadakan bersama 24 orang penggerak digital MPAJ yang dilantik di kalangan pembantu ahli majlis pada 13 Disember 2021 ⁽²²⁾. Sebarang aduan atau masalah berkaitan penggunaan iComm mobil oleh pengguna sistem direkodkan ⁽²³⁾ bagi tujuan pemantauan.

BAB 4 : KEBERHASILAN PROJEK.

4.1 'OUTCOME' PROJEK DAN PEMBUKTIAN.

4.1.1 Pencapaian 'outcome' dan pembuktian.

- a. Pengurangan aduan penyampaian perkhidmatan sebanyak 10% sebulan.



Analisis data menunjukkan berlaku penurunan aduan penyampaian perkhidmatan sebanyak 11.59% semasa tempoh pelaksanaan uji cuba 1 (April 2021) berbanding sebelum uji cuba 1 (Mac 2021). Sasaran juga berjaya dicapai dalam uji cuba 2 di mana berlaku penurunan jumlah aduan penyampaian perkhidmatan sebanyak 21.15% semasa tempoh pelaksanaan uji

cuba 2 (Jun 2021) berbanding sebelum uji cuba 2 (Mei 2021) ⁽²⁴⁾. Carta bar memperlihatkan trend penurunan melebihi 10% setiap bulan bagi tempoh Mac 2021 sehingga September 2021 yang menunjukkan bahawa sasaran 'outcome' berjaya dicapai.

- b. Peningkatan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 5% sebulan.



Analisis data menunjukkan berlaku peningkatan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 5.17% semasa tempoh pelaksanaan uji cuba 1 (April 2021) berbanding sebelum uji cuba 1 (Mac 2021). Sasaran juga berjaya dicapai dalam uji cuba 2 di mana berlaku peningkatan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 6.03% semasa tempoh

Lampiran :

⁽²⁰⁾ Arahan penyeragaman melalui Mesyuarat Pengurusan MPAJ Bilangan 7 Tahun 2021.

⁽²¹⁾ Majlis pelancaran iComm mobil oleh Yang Dipertua.

⁽²²⁾ Sesi taklimat dan perbincangan bersama 24 orang penggerak digital MPAJ.

⁽²³⁾ Borang pemantauan penggunaan produk.

⁽²⁴⁾ Minit Mesyuarat Pengurusan MPAJ Bil. 7/2021 (analisis penurunan aduan penyampaian perkhidmatan).

pelaksanaan uji cuba 2 (Jun 2021) berbanding sebelum uji cuba 2 (Mei 2021) ⁽²⁵⁾. Carta bar memperlihatkan trend peningkatan melebihi 5% setiap bulan bagi tempoh Mac 2021 sehingga Jun 2021 yang menunjukkan bahawa sasaran 'outcome' berjaya dicapai. Trend peningkatan masih berlaku pada bulan Julai hingga September 2021 walaupun pada kadar yang rendah kerana kumpulan telah mencapai sasaran pencapaian tahap kepuasan pelanggan melebihi 95% (cemerlang).

c. Peningkatan hasil (RM) sebanyak 5% sebulan.



Analisis data menunjukkan berlaku peningkatan hasil MPAJ sebanyak 5.82% semasa tempoh pelaksanaan uji cuba 1 (April 2021) berbanding sebelum uji cuba 1 (Mac 2021). Sasaran juga berjaya dicapai dalam uji cuba 2 di mana berlaku

peningkatan hasil cukai dan bukan cukai sebanyak 6.38% semasa tempoh pelaksanaan uji cuba 2 (Jun 2021) berbanding sebelum uji cuba 2 (Mei 2021) ⁽²⁶⁾. Carta bar memperlihatkan trend peningkatan melebihi 5% setiap bulan bagi tempoh Mac 2021 sehingga September 2021 yang menunjukkan bahawa sasaran 'outcome' berjaya dicapai.

4.1.2 Faedah sampingan (luar jangka).

a. Peningkatan kadar pengemaskinian data pemilik harta MPAJ.

Perbandingan yang dilaksanakan sebelum dan selepas pelaksanaan projek menunjukkan peningkatan kadar pengemaskinian data pemilik harta MPAJ yang amat diperlukan bagi tujuan komunikasi dua hala dengan pelanggan iaitu nombor telefon bimbit, akaun e-mel dan nombor kad pengenalan ⁽²⁷⁾. Sebelum projek, hanya 106,868 daripada 178,114 data pemegang harta menggunakan kad pengenalan sebagai ID tunggal manakala baki 40% menggunakan ID pelanggan iaitu nombor auto jana yang direka oleh sistem ePBT MPAJ. Selepas pelaksanaan projek, kadar pengemaskinian nombor kad pengenalan meningkat daripada 60% (106,868 pegangan harta) kepada 75% (133,586 pegangan harta).

MPAJ pernah melaksanakan usaha kutipan nombor telefon dan akaun e-mel secara manual dengan mengisi borang yang dilampirkan bersama bil cukai taksiran namun hasil pengemaskinian data adalah rendah. iComm mobil berjaya meningkatkan kadar pengemaskinian data nombor telefon dan akaun e-mel daripada 45% (80,152 pegangan harta) kepada 65% (115,774 pegangan harta). Apabila pengguna mendaftar dengan iComm mobil, pemilik harta secara tidak langsung wajib membekalkan nombor telefon pintar dan akaun e-mel mereka. Ini membolehkan pengemaskinian data dilaksanakan oleh sistem.

Lampiran :

⁽²⁵⁾ Minit Mesyuarat Pengurusan MPAJ Bil. 7/2021 (analisis peningkatan kajian kepuasan pelanggan).

⁽²⁶⁾ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 5/2021 (analisis peningkatan hasil).

⁽²⁷⁾ Analisis data pengemaskinian data nombor telefon bimbit, akaun e-mel dan nombor kad pengenalan.

- b. Penurunan kadar penyewa gerai dan pasar milik MPAJ yang culas membayar sewa.

Apabila proses pembayaran sewaan gerai dan pasar MPAJ boleh dilaksanakan melalui aplikasi mobil pada telefon pintar maka analisis mendapati berlaku penurunan 7.44% kadar penyewa yang culas membayar ⁽²⁸⁾ mengikut tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian sewaan. Sebelum projek, terdapat seramai 98 orang (8.38%) daripada 1,170 penyewa gerai dan pasar MPAJ yang disenaraikan sebagai kerap culas membayar sewa kerana kesukaran membuat bayaran. Selepas projek dilaksanakan, kadar penyewa yang culas membayar sewa telah turun kepada 11 (0.94%) orang sahaja.

4.2 IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN.

4.2.1 Penilaian impak dan pembuktian.

- a. Penjimatan kos.

- Penjimatan kos pencetakan, persampulan dan pemprosesan bil dan notis cukai taksiran.

	PERKARA	(I) KOS SEUNIT	(II) KUANTITI	(III) KEKERA- PAN	JUMLAH KOS [I x II x III]	JUMLAH [A + B]
SEBELUM	CETAKAN, SAMPUL & POS BIL CUKAI TAKSIRAN (A)	RM 2.28	178,114 PEGANGAN	1 KALI (JULAI 2021)	RM 406,099.92	RM 575,798.04
	CETAKAN, SAMPUL & POS NOTIS CUKAI TAKSIRAN (B)	RM 2.28	74,429 PEGANGAN	1 KALI (SEPT 2021)	RM 169,698.12	
SELEPAS	CETAKAN, SAMPUL & POS BIL CUKAI TAKSIRAN (A)	RM 0.00	178,114 PEGANGAN	1 KALI (JAN 2022)	RM 0.00	RM 0.00
	CETAKAN, SAMPUL & POS NOTIS CUKAI TAKSIRAN (B)	RM 0.00	86,412 PEGANGAN	1 KALI (MAC 2022)	RM 0.00	
JUMLAH PENJIMATAN PEMROSESAN BIL & NOTIS CUKAI TAKSIRAN (RM 575,798.04 – RM 0.00)						RM 575,798.04

Kos cetakan satu bil / notis cukai taksiran bagi satu penggal adalah RM 1.40 manakala kos setem adalah RM 0.88. Selepas penggunaan aplikasi iComm mobil, proses pencetakan, pensampulan dan pengeposan bil serta notis cukai taksiran telah ditamatkan bermula

Januari 2022. Keseluruhan kos yang dijimatkan (hapus) bagi tempoh satu penggal (6 bulan) adalah **RM 575,798.04**.

- Penjimatan kos sumber manusia (petugas kaunter).

	PERKARA	(I) KOS SEORANG / SEBULAN	(II) BILANGAN BULAN	(III) BILANGAN PEKERJA	JUMLAH KOS [I x II x III]
SEBELUM	BAYARAN GAJI PEKERJA	RM1,352.00 .00	6 BULAN	8 ORANG	RM 64,896.00
	BAYARAN GAJI PEKERJA	RM1,352.00 .00	6 BULAN	4 ORANG	RM 32,448.00
JUMLAH PENJIMATAN SUMBER MANUSIA (RM 64,896.00 – RM 32,448.00)					RM 32,448.00

Nota :
Anggaran gaji merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
Gaji pokok seorang pembantu tadbir N19 = RM 1,352/sebulan.

Jumlah penjimatan dalam tempoh 6 bulan kos sumber manusia kesan daripada pengurangan 50% petugas kaunter berjawatan pembantu tadbir gred N19 adalah sebanyak **RM 32,448.00**. Kaunter di Menara MPAJ bersifat pelbagai fungsi di mana semua proses boleh

Lampiran :

⁽²⁸⁾ Laporan penurunan kadar penyewa gerai dan pasar milik MPAJ yang culas membayar sewa.

dilaksanakan di setiap kaunter. Oleh itu penggunaan iComm mobil memberi impak besar kepada operasi kaunter 'multi-tasking' MPAJ.

- Penjimatan pembukaan kaunter luar (sementara).

	PERKARA	(I) KOS SEUNIT	(II) KUANTITI	JUMLAH [I x II]	JUMLAH KESELURUHAN [A+B+C]
SEBELUM	SEWAAN TAPAK PASARAYA (A)	RM 500.00 / BULAN	2 KALI x 3 LOKASI (FEB & OGOS)	RM 3,000.00	RM 50,798.80
	PENYELENGGARAAN KAUNTER BERGERAK (B)	RM 250.00 / SERVIS	4 KALI	RM 1,000.00	
	ELAUN LEBIH MASA PETUGAS (C)	RM 13.22 / JAM	5 JAM x 12 PETUGAS x 59 HARI	RM 46,798.80	
SELEPAS	SEWAAN TAPAK PASARAYA (A)	RM 500.00 / BULAN	0	RM 0.00	RM 0.00
	PENYELENGGARAAN KAUNTER BERGERAK (B)	RM 250.00 / SERVIS	0	RM 0.00	
	ELAUN LEBIH MASA PETUGAS (C)	RM 13.22 / JAM	0	RM 0.00	
JUMLAH PENJIMATAN PEMBUKAAN KAUNTER LUAR (RM 50,798.80 – RM 0.00)					RM 50,798.80

HAPUSKAN KOS
RM
50,798.80

MPAJ lazimnya membuka kaunter luar yang bersifat sementara di pasaraya terpilih sebanyak 2 kali dalam setahun iaitu sepanjang bulan Februari dan Ogos iaitu pada masa puncak pembayaran bil cukai taksiran.

lanya melibatkan kos sewaan tapak dengan pihak pengurusan pasaraya dan melibatkan kos elaun lebih masa kakitangan bagi tempoh 5:00 petang hingga 10:00 malam (5 jam) iaitu selepas waktu pejabat. MPAJ turut menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak yang membuka kaunter di pasar pagi dan pasar malam yang pastinya melibatkan kos penyelenggaraan kenderaan berkenaan. Jumlah penjimatan (hapus) pembukaan kaunter luar yang tidak lagi dilaksanakan selepas pelaksanaan projek adalah **RM 50,798.80**.

- Penjimatan kos penjimatan kertas (resit bayaran dan borang manual).

	PERKARA	(I) BIL. KERTAS (SEBULAN)	(II) KOS SEUNIT KERTAS	(III) BIL. BULAN	JUMLAH [I x II x III]	JUMLAH KESELURUHAN [A+B+C+D]
SEBELUM	RESIT BAYARAN KOMPAUN TRAFIK (A)	13,122	RM 0.03	6 BULAN	RM 2,361.96	RM 2,624.76 (87,492 KEPING)
	RESIT BAYARAN KOMPAUN BUKAN TRAFIK (B)	250	RM 0.03	6 BULAN	RM 45.00	
	RESIT BAYARAN SEWAAN GERAJ & PASAR (C)	1,170	RM 0.03	6 BULAN	RM 210.60	
	BORANG I & J MANUAL (D)	40	RM 0.03	6 BULAN	RM 7.20	
SELEPAS	RESIT BAYARAN KOMPAUN TRAFIK (A)	5,249	RM 0.03	6 BULAN	RM 944.82	RM 1,049.94 (34,998 KEPING)
	RESIT BAYARAN KOMPAUN BUKAN TRAFIK (B)	100	RM 0.03	6 BULAN	RM 18.00	
